

BAB 5

6. KESIMPULAN

6.1 DAPATAN HASIL PENYELIDIKAN

Kajian ringkas tentang mentaliti pulau serta kesannya ke atas perkembangan peradaban Jepun telah memberi kefahaman seperti berikut:

- (1) Identiti unitk dalam peradaban Jepun merupakan sesuatu yang terasing. Amalan oleh masyarakat Jepun adalah tanda jati diri peradaban tersebut yang tidak banyak dipengaruhi oleh unsur luar.
- (2) Segala amalan secara terasing ini tidak pula membawa keburukan atau kemunduran. Masyarakat Jepun telah berjaya membawa perubahan sosioekonomi dan politik ke tahap yang tinggi setanding dengan pencapaian dunia.
- (3) Mentaliti pulau golongan samurai telah berjaya menjadi golongan korporat yang sangat berjaya dalam pembangunan ekonomi moden Jepun.
- (4) Di samping berjaya dalam segala bidang kemajuan dunia, Jepun masih lagi mempertahankan institusi beraja memalui Sistem Raja Berpelembagaan.

- (5) Jepun maju tanpa menghakiskan fahaman agama. Anutan Shinto, Buddha dan falsafah Confusian masih kuat diamalkan seiring dengan kemajuan alaf baru.
- (6) Segala amalan mentaliti pulau begitu berjaya dipraktikkan di negara Jepun dengan cuaca dan suasana di sana. Kehebatan 'cara Jepun' belum dibuktikan di negara lain. Belum ada kajian terperinci tentang kejayaan unsur mentaliti pulau orang Jepun di negara lain.
- (7) Sehingga kini orang Jepun masih lagi menggunakan tulisan dan bahasa yang sukar difahami oleh orang luar. Kedua-dua halangan ini merupakan sesuatu yang perlu dihadapi oleh sesiapa yang ingin berinteraksi dan mengambil contoh kejayaan Jepun. Mereka sangat berbangga dengan bahasa dan tulisan sendiri.
- (8) Nilai dan sikap orang Jepun yang begitu berjaya dalam kajian Mentaliti Pulau, namun pada dasarnya mereka adalah satu bangsa yang masih terkongkong dengan dasar Amerika dan sekutunya dalam soal politik. Nampaknya mereka tidak boleh lari dari arus perdana dunia.
- (9) Walau bagaimanapun, pemikiran pulau (Mentaliti Pulau) yang disebut Shimaguni Konjo oleh orang Jepun bolehlah dijadikan sebagai pemangkin kepada kemajuan peradaban dunia – banyak yang baik dari yang tidak.

6.2 CADANGAN UNTUK PENKAJI AKAN DATANG

Diharapkan cadangan untuk kajian akan datang agar kita dapat melihat kesan mentaliti pulau Jepun di negara lain. Apakah mentaliti ini boleh dipertahankan di dalam keadaan yang berbeza? Adakah mentaliti pulau ini hanya terjadi di Jepun sahaja? Apakah tidak terdapat kesan yang sama di negara kepulauan lain?

Selain itu fikirkan juga di antara ciri mentaliti pulau yang mana satukah yang benar-benar mempengaruhi jati diri bangsa Jepun. Begitu juga dengan mentaliti pulau orang Jepun kian terhakis lantaran cabaran globalisasi. Jadi, bagaimanakah orang Jepun dapat melalui cabaran ini?

Sekali lagi diharapkan kajian akan datang berkenaan dengan topik ini boleh diskopkan kepada yang lebih khusus sama ada dari segi ekonomi atau politik kerana kajian sekarang ini merangkumi segala bidang yang luas dan secara keseluruhan. Mentaliti pulau (Shimaguni Konjo) sesungguhnya merupakan satu-satunya fenomena yang unik dalam masyarakat Jepun.